

19 DEC 2003

DR MAHATHIR BERUCAP DI FORUM EKONOMI JEDDAH

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 19 Dis (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan satu ucap tama pada Forum Ekonomi Jeddah bulan depan.

Tokoh-tokoh lain yang akan berucap pada forum dari 17 hingga 19 Jan itu ialah Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan, Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev dan Setiausaha Agung Pertubuhan Perdagangan Sedunia Supachai Panitchpakdi.

Menurut penganjur, forum bertemakan "Menjana Pertumbuhan Pantas" itu, dijangka dihadiri 1,000 orang.

"Forum kali ini diadakan secara besar-besaran dan akan menangani pelbagai isu ekonomi semasa," kata Amr Dabbagh, pengerusi Lembaga Pemasaran Jeddah dalam satu kenyataan di sini.

Dr Mahathir dijangka berucap mengenai "Resipi Dari Malaysia Untuk Pertumbuhan : Wawasan 2020".

-- BERNAMA
SKH AZZ MAI